

Headline	M'rakat perlu fahami cara jangkitan Aids, kikis stigma diskriminasi		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	14 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	11	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	240 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,191
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,573



RASMI Samsudin memukul gong tanda perasmian Sambutan Hari Aids Sedunia peringkat daerah Sandakan.

M'rakat perlu fahami cara jangkitan Aids, kikis stigma diskriminasi

SANDAKAN: Masyarakat perlu memahami dengan jelas cara jangkitan penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) dan juga Human Immunodeficiency Virus (HIV) bagi mengikis stigma dan diskriminasi terhadap epidemik itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sekong, Datuk Samsudin Yahya, berkata diskriminasi dan pandangan negatif terhadap AIDS dan HIV berlaku disebabkan penularannya kerap dikaitkan dengan gejala tidak bermoral.

Katanya, penyakit membawa maut tersebut menjangkiti manusia melalui beberapa cara termasuk penggunaan dadah secara suntikan dan perhubungan seks rambang dan amalan seks sejenis.

"Walau bagaimanapun, perlu diketahui bahawa masih terdapat ramai yang menjadi mangsa kepada epidemik ini tanpa terlibat dengan perbuatan berisiko dan tidak bermoral.

"Antaranya, golongan wanita, remaja dan kanak-kanak yang kerap kali menjadi mangsa akibat perbuatan berisiko ahli keluarga yang lain. Walau

bagaimanapun, golongan ini tetap mencrima stigma dan diskriminasi yang sama daripada masyarakat kerana hidup dengan HIV/AIDS," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2014 peringkat Daerah Sandakan di Dewan Angsana, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Batu 7, Sandakan, kelmarin.

Samsudin yang juga Ketua UMNO bahagian Batu Sapi turut mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Kesihatan Sandakan, atas kejayaan penganjuran program ini.

"Saya percaya melalui kempen yang berterusan, bagi tujuan memupuk kesedaran mengenai wabak Aids, dan penyediaan pelbagai kemudahan termasuk rawatan antiretroviral, adalah usaha serta komitmen kerajaan, bagi memastikan rakyat dapat menjalani kualiti hidup yang sihat, kata beliau.

Hadir sama staff Unit PPM, ahli jawatankuasa Umno Batu Sapi, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri.